

E-BULETIN PNS

Edisi 3 | Jul - Dis 2016



isi KANDUNGAN

M/s
3

Kejohanan Antarabangsa
Taekwando

M/s
5

Majlis Konvokesyen
Politeknik Nilai 2016

M/s
8

Program Kolaborasi
Akademik Dan Teknologi
JAB

M/s
10

Lawatan Akademik Ke
Jabatan Landskap Negara
(JLN)

M/s
12

Lawatan ke Taman Botani,
Putrajaya

M/s
14

Ceramah(Ppi) Bengkel
Personel Binaan
(Kad Hijau Cidb)

M/s
15

Program Pelaksanaan
Ujian Penilaian Kemahiran

M/s
17

Biogenius Innovation
Competition 2016

M/s
20

Bengkel Pengukuhan
Matematik Semester Satu

M/s
21

Lawatan Rasmi
Universiti Pertahanan
Nasional Malaysia (UPNM)

M/s
24

Jamuan Sempena
Menyambut
Edul Fitri 2016

M/s
26

Lawatan Akademik Ke
Mahkamah Syariah Wilayah
Persekutuan Kuala Lumpur

M/s
28

Lawatan Akademik Ke
Bahagian Siasatan Jenayah
Komersil, Bukit Aman (JSJK)

M/s
29

Perkongsian Ilmu bersama
FINAS PJ

M/s
31

Kolaborasi Politeknik Nilai
(PNS) dan 6 INDUSTRI

M/s
35

Laporan Hari Kerjaya
CISEC

Terima Kasih kepada Pihak Pengajar

**KEJOHANAN ANTARABANGSA
TAEKWANDO JEMPUTAN
TM (WTF) - SPORTEXCEL -
NSC - MILO 2016**



DARI LENS KEJOHANAN ANTARABANGSA TAEKWANDO JEMPUTAN TM (WTF) - SPORTEXCEL - NSC - MILO 2016



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
POLITEKNIK MALAYSIA
JALAN NILAI
NILAI



MAJLIS KONVOKESYEN 2016, POLITEKNIK NILAI, NEGERI SEMBILAN

Seramai 617 orang graduan dari tiga politeknik diraikan pada Majlis Konvokesyen 2016 yang berlangsung di Dewan Sri Putra Politeknik Nilai, Negeri Sembilan pada 23 Julai 2016 yang lalu. Tiga politeknik yang terlibat adalah Politeknik Banting, Politeknik Metro, KL dan tuan rumah Politeknik Nilai, Negeri Sembilan. Seramai 264 jumlah graduan dari politeknik nilai dengan 87 orang bagi sesi Dis 2014 dan 177 orang bagi sesi Jun 2015. Diploma yang dianugerahkan bagi graduan PNS adalah Diploma Pengajian Perniagaan(e-dagang), Diploma Kewangan dan Perbankan Islam, Diploma Pengurusan Logistik dan Rangkaian Bekalan, Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Diploma Landskap dan Hortikultur dan juga Diploma Bioteknologi. Politeknik Nilai mengucapkan tahniah atas kecemerlangan dan berjaya menamatkan pengajian pada konvokesyen ke-5 PNS ini.





MAJLIS KONVOKESYEN 2016, POLITEKNIK NILAI, NEGERI SEMBILAN





**JABATAN
AGROTEKNOLOGI
DAN BIO-INDUSTRI
(JAB)**



Program Kolaborasi Akademik Dan Teknologi Bagi Pemeriksaan Pusat Teknologi Bioteknologi Politeknik Nilai, Negeri Sembilan

Oleh Hazwani binti Husain



24 Julai 2016- Pada 24 sehingga 29 Julai 2016, satu program bagi mencapai hasrat kolaborasi bagi Pusat Teknologi Bioteknologi Politeknik Nilai, Negeri Sembilan telah dilaksanakan di Bangkok, Thailand. Objektif program ini adalah untuk memperkasakan COT Bioteknologi PNS melalui jalinan kerjasama antarabangsa dalam pembangunan penyelidikan dan inovasi, expert exchange programme dan perkongsian teknologi. Antara tempat-tempat yang telah dilawati adalah The National Center for Genetic Engineering and Biotechnology (BIOTEC), The National Center for Nano Technology (NANOTEC), Halal Science Centre University of Chulalongkorn dan Medicinal Plant Garden, Suan Luang Rama 9 Park.





Sayang Malaysia

Satu-satunya kubur orang
Yahudi di Malaysia ada
di Penang, tempatnya di
Jalan Zainal Abidin dengan
jumlah 120 makam.



Lawatan Akademik Ke Jabatan Landskap Negara (JLN)

Oleh Yazidatul Fauziah binti Abdul Aziz

16 Ogos 2016- Lawatan akademik ke Jabatan Landskap Negara, Kuala Lumpur telah berlangsung pada 16 Ogos 2016. Kami disambut oleh En. Ahmad Syaharuddin Bin Kamaruddin Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dasar Dan Pengurusan Korporat dan dibantu oleh 3 lagi pegawai beliau dalam sesi penerangan mengenai JLN. Lawatan diadakan untuk mendapatkan maklumat dan gambaran jelas berkenaan skop kerja dalam bidang landskap hortikultur seperti kerja-kerja perolehan tender / sebut harga dan pengurusan dan penyelenggaraan taman awam. Lawatan ini dibuat berdasarkan kursus YL601-Project Management, YL603-Landscape Submission and Tendering dan YL604-Profesional Practise bagi mengikuti perkembangan semasa mengenai prosedur pengurusan & penyelenggaraan landskap dan skop kerja agar pelajar lebih bersedia setelah tamat belajar kelak. Keseluruhannya pelajar berpuas hati dengan lawatan ini kerana mereka mendapat banyak ilmu tambahan dan dapat mendalami skop kerja mereka sekiranya bekerja di Jabatan Landskap Negara kelak.







Lawatan ke Taman Botani, Putrajaya

Oleh Mohd Khairil Hilmi bin Abd Halim



25 Ogos 2016- Satu lawatan ke Taman Botani, Putrajaya telah diadakan pada Ogos lalu. Antara aktiviti yang diadakan adalah sesi taklimat, guided tour, sesi tutorial penyediaan herbarium, dan cycling specimen hunting. Objektif lawatan yang dikelolakan oleh Encik Khairil, pensyarah DLH ini adalah Memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan tumbuhan landskap yang terdapat di Malaysia yang selalu diaplikasikan dalam bidang landskap hortikultur, Memberi pengetahuan yang lebih terperinci cara-cara penyediaan Herbarium dengan sempurna, Memberi pendedahan kepada pelajar tentang identifikasi tumbuhan yang terdapat dalam landskap Malaysia, Memberi peluang kepada pelajar untuk memperluas penguasaan pengenalan tumbuhan landskap



Sayang Malaysia

Malaysia adalah satu-satunya negara yang mempunyai pulau di benua Asia dan sekaligus di kepulauan Melaka.

Ceramah (Ppi) Bengkel Personel Binaan (Kad Hijau Cidb)

Oleh Mohd Khairil Hilmi bin Abd Halim



2 September 2016- Pelaksanaan Pensyarah Pelawat Industri (PPI) dilihat sebagai satu kaedah yang diperkenalkan bagi membantu Politeknik dalam mempelbagaikan kaedah P&P dalam meningkatkan kefahaman pelajar dalam bidang pengajian yang diikuti. Program kad hijau ialah program keselamatan yang mewajibkan semua personel binaan menjalani Kursus Induksi Keselamatan dan Kesihatan untuk Pekerja Binaan selama sehari. Peserta kursus akan didaftarkan dengan CIDB dan diberikan Kad Hijau. Kad hijau adalah kad yang dikeluarkan oleh CIDB bagi mendaftarkan semua pekerja yang terlibat di tapak binaan. Melalui kad ini seseorang personel itu dapat dikenalpasti bidang kerja serta tahap kemahiran yang dimilikinya.





7 September 2016- Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) akan mewartakan Akta 520, yang mewajibkan setiap pekerja binaan di Malaysia memiliki Kad Hijau. Berkuatkuasa serta-merta, semua kontraktor yang berdaftar dengan Construction Labour Exchange Centre Berhad (CLAB) yang menggajikan pekerja binaan atas permit CLAB DIWAJIBKAN memiliki Kad Hijau serta menjalani Ujian Penilaian Kemahiran Akreditasi CIDB sebagai pengukur tahap kemahiran masing-masing. Proses untuk mendapatkan sijil boleh dilakukan melalui ujian amali akreditasi pekerja mahir selama 1 hari yang boleh dilaksanakan oleh Akademi Binaan Malaysia, Institut Latihan dan Penilaian milik CIDB samada di premis ABM atau di luar. Pelajar yang lulus ujian akreditasi ini akan dianugerahkan Sijil Kecekapan Kemahiran (SKK) CIDB. Sijil ini merupakan kredit kepada pelajar DLH untuk menempah nama di arena pekerjaan kelak di tapak bina.

Program Pelaksanaan Ujian Penilaian Kemahiran Bagi Program Akreditasi Pekerja Mahir CIDB (Tahap 1)

Oleh Mohd Khairil Hilmi bin Abd Halim





Sayang Malaysia

Kesultanan Kedah adalah salah satu kesultanan tertua di dunia (tahun 1136).

Biogenius Innovation Competition 2016

Oleh Mohd Khairil Hilmi bin Abd Halim



23 September 2016- Satu pertandingan tahunan iaitu Biogenius Innovation Competition 2016 telah diadakan buat kali ketiga. Penyertaan oleh pelajar-pelajar Diploma Bioteknologi semester satu sehingga semester 3 pada kali ini menyaksikan pelbagai inovasi berkaitan bidang bioteknologi telah dipertandingkan. Aktiviti seumpama ini telah menyemarakkan lagi kajian-kajian saintifik dalam bidang bioteknologi seterusnya memperkasakan lagi bioteknologi sebagai COT di Politeknik Nilai, Negeri Sembilan.





**JABATAN
MATEMATIK, SAINS
DAN KOMPUTER
(JMSK)**





Sayang Malaysia

Malaysia Memiliki Laut
yang Luasnya Hampir Dua
Kali Lebih Besar Daripada
Daratannya

Bengkel Pengukuhan Matematik Semester Satu

Oleh En Asseri Abdul Majid



Bengkel Pengukuhan Matematik ini telah diadakan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan penguasaan pelajar terhadap Kursus Matematik Kejuruteraan 1, khasnya dalam Topik Algebra dan Trigonometri. Pelajar-pelajar yang terlibat dalam bengkel ini adalah terdiri daripada pelajar semester satu Diploma Kejuruteraan Mekanikal sebanyak 4 kelas dan Diploma Kejuruteraan Mekatronik sebanyak 2 kelas. Bengkel ini telah dijalankan pada 30 Julai 2016 di Bilik-Bilik Kuliah Teknologi dan telah diadakan selama sehari.

Seramai 5 pensyarah telah terlibat sebagai fasilitator sepanjang bengkel tersebut. Mereka adalah Puan Nor Liza Binti Kasim, Puan Kalsom Binti Sailan, Encik Asseri Bin Abdul Majid, Encik Hairul Azam Bin Mohd Mokhtar dan Puan Raja Nadia Binti Raja Ahmad.

Untuk menguji keberkesanan bengkel pengukuhan ini, pelajar-pelajar telah diberikan Pre-Test di peringkat awal bengkel dan soalan yang sama digunakan sebagai Post test di akhir sesi bengkel tersebut. Apabila dibuat perbandingan pencapaian antara Pre-test dan Post-test, telah didapati bahawa kefahaman dan penguasaan pelaja terhadap algebra dan trigonometri meningkat dengan amat ketara. Bengkel ini telah dirancang dengan begitu rapi dan telah mendapat kerjasama yang baik daripada pensyarah dan pelajar .



Lawatan Rasmi Pihak Pengurusan Tertinggi Jabatan Sains Komputer, Fakulti Sains Pertahanan dan Teknologi, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

Oleh En Asseri Abdul Majid

Lawatan ini adalah bertujuan untuk meninjau peralatan terkini dan pasarana yang terdapat di JMSK Politeknik Nilai. Antara tempat-tempat yang dikunjungi oleh deligasi tersebut adalah Makmal Matematik, Makmal Komputer Am, Makmal Bahasa dan Makmal Multimedia. Lawatan ini telah lakukan pada 28 Julai 2016 dan disertai oleh 5 pensyarah yang diketuai oleh Prof. Madya. Dr. Mohd Nazri Ismail, Timbalan Dekan (Penyelidikan & Siswazah) serta Assoc. Prof. Dr. Omar Bin Zakaria, Ketua Jabatan , Jabatan Komputer Sains.





Dalam ucapan alu-aluan oleh ketua Jabatan, Jabatan Matematik, Sains dan Komputer, Puan Nor Liza Binti Kasim berkata beliau amat berbesar hati menerima kunjungan deligasi dari UPNM. Dengan adanya kunjungan ini, ia merupakan pembuka jalan kepada kerjasama antara JMSK PNS dengan JKS UPNM di masa-masa akan datang.



Semua pensyarah JMSK telah terlibat dalam meraikan dan menyambut kehadiran deligasi dari UPNM, manakala aktiviti lawatan ke makmal-makmal telah diketuai oleh Encik Asseri Abdul Majid selaku Pegawai Aset Jabatan.





Sayang Malaysia

Lebih dari 140 bahasa
pertuturan digunakan di
Malaysia



Jamuan Sempena Menyambut EduL Fitri 2016

Oleh En Asseri Abdul Majid



Aktiviti ini adalah merupakan acara tahunan yang diadakan di Jabatan Matematik, Sains dan Komputer yang telah melibatkan pelajar IPS, ketua-ketua unit, ketua - ketua jabatan dan Timbalan Pengarah. Tujuan aktiviti ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan muhibah di antara kaum di samping menjalinkan semangat kekitaan di antara pelajar, pensyarah serta pihak pengurusan Politeknik Nilai. Sambutan kali ini diadakan pada 20 Julai 2016. Pelbagai juadah telah disediakan, sebahagian juadah adalah sumbangan daripada pensyarah JMSK sendiri.





**JABATAN
PERDAGANGAN
(JP)**






Lawatan Akademik Ke Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Oleh Nur Farahin Afiqah Binti Daud

Pada 4 Oktober 2016 yang lalu, seramai 40 orang pelajar Semester 2 Program Diploma Perbankan dan Kewangan Islam bersama dua orang pensyarah pengiring iaitu Puan Nur Farahin Afiqah Binti Daud dan Cik Norhidayah Binti Samsu telah mengadakan lawatan akademik ke Kompleks Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Lawatan akademik ini bertujuan untuk mengaplikasikan apa yang telah dipelajari dalam subjek Pengantar Perundangan Islam, memberi pengalaman sebenar kepada pelajar untuk merasa sendiri suasana perbicaraan dan menyuntik inspirasi dan motivasi para pelajar untuk terus fokus dalam ilmu berkaitan perundangan Islam.





Sayang Malaysia

Malaysia pernah menjalankan eksperimen Latihan Khidmat Negara yang pertama pada 1962, semasa Konfrontasi Indonesia. Pada ketika itu, remaja yang berumur antara 21 hingga 28 tahun diwajibkan untuk menjalani selama 2 tahun. Lebih lama berbanding latihan sekarang ini.

Lawatan Akademik Ke Bahagian Siasatan Jenayah Komersil, Bukit Aman (JSJK)

Oleh Norhidayah Samsu



Dalam usaha mempelbagaikan kaedah dalam menyumbang ilmu kepada pelajar politeknik, satu lawatan akademik ke Bahagian Siasatan Jenayah Komersil Bukit Aman (JSJK) dianjurkan pada SEPT 2016 yang lalu dan lawatan ini telah melibatkan semua pelajar kursus DPE3013 e-commerce. Pemilihan organisasi ini sebagai lokasi lawatan adalah kerana skop tugas di organisasi ini amat praktikal dan selari dengan beberapa topik yang diajar dalam kursus e-commerce dalam Program Pengajian Perniagaan (e-dagang), DEC.

Lawatan yang diikuti oleh seramai 47 orang pelajar ini telah diiringi oleh empat orang pensyarah DEC iaitu Puan Norhayati Jais @ Mohd Said, Puan Norhafeeza Bambang Shaidi, Puan Atiqah Mohamad Sani dan Cik Norhidayah Samsu. Kedatangan delegasi disambut baik oleh pihak JSJK dan majlis dimulakan dengan sesi 'Courtesy Call' bersama timbalan pengarah JSJK, Timbalan Pesuruhjaya, Datuk A Thaiveegan selama beberapa minit mengenai objektif lawatan dan pensyarah berpeluang bergambar secara rasmi dengan pengurusan tertinggi JSJK. Para pelajar pula ditempatkan di bilik seminar JSJK bagi mendengar 2 slot taklimat dari panel khas JSJK dengan tajuk Fungsi JSJK dan Kaedah Mengatasi Jenayah Siber. Pelajar-pelajar menggunakan sesi soal jawab dengan baik dengan pelbagai kemusykilan yang berkaitan dengan jenayah siber. Lawatan diakhiri dengan sesi makan tengahari delegasi lawatan bersama pengurusan tertinggi JSJK.



Perkongsian Ilmu bersama Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia Petaling Jaya (FINAS PJ)

Oleh Zauyah Azman



Pada 6 September 2016 (Selasa), seramai 52 pelajar DEC1 telah mengadakan lawatan ke Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia Petaling Jaya (FINAS PJ) diiringi oleh pensyarah pengiring iaitu Puan Zauyah Binti Azman, Puan Atiqah Binti Mohd Sani dan Encik Muhamad Rahmad Bin Hassan. Pelajar telah diberi taklimat mengenai FINAS dan melawat beberapa bahagian pameran. Lawatan ini juga memberi pengalaman kepada pelajar dan melihat sendiri apa yang terdapat di dalam FINAS. Sesungguhnya lawatan yang dilakukan telah mendedahkan pelajar kepada perjalanan sebenar FINAS. Terima kasih kepada FINAS kerana sudi menerima kunjungan dari kami.



**UNIT
INDUSTRI KORPORAT
DAN KEBOLEHPASARAN
(CISEC)**



Kolaborasi Politeknik Nilai (PNS) dan 6 INDUSTRI serta Majlis Penyerahan Watiah Pelantikan Jawatankuasa Penasihat Politeknik Nilai bagi tempoh 2016 sehingga 2018.

Oleh: Kalsom Sailan CISEC PNS



7 September 2016- Majlis menandatangani perjanjian persefahaman bertujuan mewujudkan hubungan dan kerjasama strategik antara PNS dan 6 industri dalam membangunkan program-program kolaboratif serta pembangunan intelektual antara kedua organisasi telah disempurnakan secara ringkas di Everly Hotel Putrajaya.

Majlis kolaborasi ini telah disaksikan oleh Tuan Haji Mohd Ghaus bin Ab Kadir, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Pendidikan Politeknik bersama dengan En Tung Chee Kuan, Pengarah Bahagian Hubungan Industri dan Kebolehpasaran, Jabatan Pendidikan Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia.



Perjanjian ini telah ditandatangani oleh pengarah Politeknik Nilai Lt. Kol (PA) Tn Hj Mohamad Amin bin Hamat yang memeterai bagi pihak PNS manakala 6 industri diwakili oleh pengarah urusan masing-masing iaitu Hajah Zawannah Binti Muhammad dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), En Kanapathy A/L Ganajoo dari Mydin Mohamed Holdings Bhd, Pn Maznah Binti Ariffin dari Enrich Focus Sdn Bhd, Lar. Kamalludin Bin Bilal dari Lotus Design & Services, En Nasrizal Bin Mohd Noor dari Timur Automation Engineering Sdn. Bhd. dan En Nor Azaruddin Husni bin Hj Nuruddin dari Scope Research & Training Consultancy (SCOPERT).

Enam industri / organisasi yang terlibat adalah berkait dengan bidang pengkhususan program yang ditawarkan di Politeknik Nilai iaitu Lotus Design & Services dan Enrich Focus Sdn Bhd adalah khusus untuk program Diploma Landskap Hortikultur (DLH). Timur Automation Engineering Sdn. Bhd adalah untuk Program Diploma Kejuruteraan Mekatronik (DEM), Mydin Mohamed Holdings Bhd. untuk program Diploma Pengurusan Peruncitan (DRM) manakalala SCOPERT dan JAKIM lebih meluas untuk manfaat kepada semua pelajar dan staf politeknik yang bersesuaian dengan aktiviti yang dirancang.





Sejurus selepas tamat sesi bergambar bersama 6 industri terlibat, majlis diteruskan dengan penyampaian Watikah Pelantikan Jawatankuasa Penasihat Industri Politeknik Nilai untuk tempoh 2016 hingga 2018. Seramai 11 Penasihat Industri untuk tempoh 2 tahun akan datang telah dilantik oleh Ketua Pengarah, Jabatan Pendidikan Politeknik di mana 8 terdiri dari Penasihat yang diperbaharui tempoh manakala 3 lagi adalah Penasihat Industri yang baru menyertai khusus untuk program DRM, DEM dan DBT.

Jawatankuasa Penasihat Industri PNS untuk tempoh 2016 sehingga 2018 adalah Dr Mohamad Salmi bin Mohd Sohod dari In Fusion Solution Sdn Bhd, Ir Dr Zainal Fitri bin Zainal Abidin dari UniKL-MFI, En Sulaiman bin Roslan dari V-Vision Sdn Bhd, En Mohamad Sabri bin Othman dari USS Engineering & Trading Sdn Bhd, En Salman bin Abdul Wahab dari Cyber Security Malaysia, Hj Mohd Haliemy bin Sapari dari Bank Rakyat, En Wan Kamarudin bin Wan Zakaria dari DGM Support (M) Sdn Bhd, En Halil bin Ali dari Premierpath System Sdn Bhd, En Nasrizal bin Mohd Noor dari Timur Automation Engineering Sdn Bhd., En Mohd Nizam bin Abdul Kadir dari Mydin Mart dan Pn Arni Balkish binti Mohamed Aris dari Industry Talent development & Educational Services.





Sayang Malaysia

“Tun” merupakan gelaran persekutuan yang tertinggi dan bilangan penerima tidak boleh lebih daripada 25 orang yang masih hidup dalam satu masa.

LAPORAN HARI KERJAYA UNIT CISEC

Oleh: Kalsom Sailan CISEC PNS



Pada 13 Oktober 2016 (Khamis), seramai 18 orang pelajar semester 6 bagi program Diploma Landskap Hortikultur, Jabatan Agroteknologi dan Bioindustri, Politeknik Nilai bersama seorang pensyarah pengiring mengikuti Program Temuduga Kerjaya Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor. Para pelajar bertolak dari Politeknik Nilai seawal jam 5.00 pagi dan tiba di lokasi pada jam 9.00 pagi.

Program SL1M bahagian selatan ini telah menawarkan 10,000 peluang pekerjaan. Program ini berlangsung selama dua hari bermula Rabu (12 Oktober 2016) hingga Khamis (13 Oktober 2016). SL1M yang julung kali dianjurkan di Johor menerima penyertaan lebih 120 syarikat yang menawarkan peluang latihan dan pekerjaan untuk pelbagai peringkat kelulusan.

Program ini diharap membantu graduan untuk lebih berdaya saing dan mempunyai ciri yang diperlukan oleh majikan. Ini kerana, kebanyakan majikan atau syarikat memilih graduan yang hanya memiliki pengalaman untuk diambil bekerja dan ia menyebabkan graduan baharu dari universiti awam dan swasta mahupun politeknik terpaksa menganggur. Para pelajar dan pensyarah bertolak balik jam 5.00 petang dan tiba di Politeknik jam 10.00 malam.



TAKLIMAT 1L5G DAN TRACER STUDY

Oleh: Siti Mas Irdawati bt Md. Shahroon

Pada 25 November 2016 (Jumaat) jam 10.00 pagi pensyarah-pensyarah Jabatan Agroteknologi dan Bioindustri telah diberi satu taklimat ringkas berkaitan 1L5G dan Tracer Study kepada. Taklimat ini bertujuan memberi pendedahan berkenaan takrifan 1L5G dan tracer, cara penggunaan sistem i1L5G dan website Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG online) serta sasaran peratus pencapaian lulusan bekerja (GE).

Taklimat ini juga akan diberi secara berperingkat kepada staf jabatan-jabatan lain menerusi penyelarasan jabatan masing - masing serta kepada pelajar-pelajar semester akhir sebelum mereka tamat bergraduasi. Kaedah ini merupakan salah satu inisiatif Pegawai 1L5G&Tracer Study bagi unit CISEC, Politeknik Nilai, untuk mencapai sasaran peratus GE yang tinggi serta melepasi keperluan target bagi Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi.



LAPORAN 1 LECTURER 5 GRADUATE (1L5G) SESI DIS 2015

Oleh: Siti Mas Irdawati bt Md. Shahroon

Laporan 1L5G Sesi DIS 2015, Politeknik Nilai

Bil	Program Pengajian	Jumlah Lulusan	Lulusan Mendapat Pekerjaan Tidak Mengikut Bidang Pengajian (A)		Lulusan Mendapat Pekerjaan Mengikut Bidang Pengajian (B)		Lulusan Menunggu Penempatan Pekerjaan (C)		Lulusan Belum Bekerja (D)		Lulusan Menjadi Usahawan (E)		Lulusan Lanjut Pengajian (F)		Jumlah Lulusan Mendapat Pekerjaan (A+B+C+E+F)		Jumlah Respon		Jumlah Tidak Respon @ Tidak Dikesan	
			Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
1	DBT	34	9	26.47	5	14.71	3	8.82	2	5.88	2	5.88	13	38.24	32	94.12	34	100	-	-
2	DLH	42	26	61.9	8	19.05	2	4.76	3	7.14	2	4.76	1	2.38	39	92.86	42	100	-	-
3	DKM	22	4	18.18	6	27.27	3	13.64	1	4.55	-	-	8	36.36	21	95.45	22	100	-	-
4	DEC	39	14	35.9	7	17.95	2	5.13	9	23.08	-	-	7	17.95	30	76.92	39	100	-	-
5	DLS	42	2	4.76	23	54.76	8	19.05	6	14.29	2	4.76	1	2.38	36	85.71	42	100	-	-
	Jumlah	179	55	30.73	49	27.37	18	10.06	21	11.73	6	3.35	30	16.76	158	88.27	179	100	-	-

Tarikh Cetak : 30 Jun 2016

Data lulusan di atas merupakan lulusan bagi 5 program yang tamat pada sesi Dis 2015. Lulusan dipantau 6 bulan dari tarikh tamat dan peratusan lulusan bekerja mencapai sasaran iaitu sehingga Jun 2016 menunjukkan 88.27% pencapaian lulusan bekerja.



Sayang Malaysia

Penang Free School merupakan sekolah Inggeris yang tertua di Asia Tenggara, ia ditubuhkan oleh Rev. Sparke Hutchings pada tahun 1816.



POLITEKNIK NILAI NEGERI SEMBILAN